

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sekatan perjalanan ke luar negara ke atas peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang enggan membayar pinjaman walaupun mampu adalah wajar.

Bagaimanapun, pelaksanaannya perlu dilaksanakan secara bersasar.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Mohamad Fazli Sabri berkata tindakan tidak membayar balik pinjaman PTPTN adalah sesuatu yang sangat mendukacitakan dan memberi impak yang besar terutama kepada kelestarian dana pinjaman untuk generasi akan datang.

"Mengikut pembacaan saya, hampir 400,000 peminjam PTPTN adalah peminjam tegar dan tidak membayar balik walau satu sen biarpun mampu.

"Berdasarkan kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud, kerajaan akan mengkaji semula langkah sekatan perjalanan

PTPTN patut melaksanakan sekatan perjalanan

ke luar negara terhadap peminjam PTPTN yang gagal membuat bayaran balik.

"Saya bersetuju dengan langkah ini kerana ia adalah peringatan signifikan dan dapat memberi impak positif kepada peminjam culas.

"Langkah ini supaya peminjam tegar sedar, mereka perlu membayar balik kerana ada orang lain yang memerlukan dana terbahagi," katanya.

Dr Mohamad Fazli berkata tanggungjawab asal sebagai peminjam adalah membayar balik pinjaman.

Katanya, ia adalah satu bentuk tanggungjawab sosial yang perlu dihunaskan, kerana pinjaman itu adalah amanah.

"Tindakan tidak membayar balik pinjaman ini bukan saja menyusahkan diri, malah menyusahkan generasi akan datang mungkin anak atau cucu kita yang

satu hari nanti memerlukan pembiayaan pendidikan," katanya.

Mengulas punca utama kegagalan peminjam melunaskan hutang, Dr Mohamad Fazli berkata semua itu lebih kepada sikap dan mentiliti peminjam itu sendiri dan sesuatu yang sukar serta mencabar untuk di ubah.

Menurutnya, ada mentaliti bahawa pinjaman PTPTN tidak perlu dibayar balik kerana tiada akibat yang serius.

"Kebanyakan peminjam mengambil mudah pinjaman pendidikan kerana tidak ada tindakan yang boleh diambil ke atas mereka berbanding pinjaman perumahan atau kenderaan yang mempunyai implikasi sitaan.

"Kalau orang buat pinjaman rumah atau kereta ia boleh ditarik balik atau disita. Tetapi, bagaimana de-

ngan pinjaman PTPTN.

"Jadi dengan pelaksanaan sekatan ini, ia ibarat peringatan kepada peminjam supaya membuat pembayaran balik," katanya.

Secara prinsipnya, langkah ini adalah wajar tetapi dari segi pelaksanaannya, ia perlu bersasar.

"Sebelum dilaksanakan, kita perlu lihat semula definisi peminjam tegar. Mungkin ia boleh dikategorikan kepada beberapa peringkat, contohnya tegar 1, 2, dan 3 berdasarkan tempoh tidak membayar seperti 5 atau 10 tahun," katanya.

Beliau berpendapat, ke-

salahan isu peminjam tegar ini tidak boleh meletakkan kepada PTPTN kerana mereka sudah menyediakan pelbagai saluran dan platform pembayaran balik.

Ini termasuklah tempoh tangguh (12 hingga 24 bulan selepas tamat pengajian), kaedah pembayaran fleksibel mengikut kemampuan kewangan peminjam melalui penstrukturan semula pinjaman.

"Pinjaman ini adalah amanah, bukan pemberian. Membayar balik pinjaman juga tanggungjawab dan penting untuk kelestarian tabung pendidikan demi

generasi akan datang.

"Semua agama pun memang menganjurkan, mengajar bahawa setiap orang yang meminjam, harus membayar balik.

"Jika ada masalah, berundinglah dengan pihak PTPTN untuk mencari kaedah penyelesaian terbaik," katanya.

"Saya bersetuju dengan langkah ini kerana ia adalah peringatan signifikan dan dapat memberi impak positif kepada peminjam culas"

Dr Mohamad Fazli

